

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 June 2015

# Kadar tol diputuskan minggu depan - Najib

um - 13/6/2015

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA  
dan SITI ROHAIZAH ZAINAL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JUN

**K**ERAJAAN akan membuat pendirian akhir minggu depan sama ada kadar tol di 16 lebuh raya utama di seluruh negara dinaikkan atau tidak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, khabar angin yang tersebar di dalam media serta laman sosial mengenai kenaikan kadar tol itu sebenarnya masih belum sah.

Beliau yang kecewa dengan penyebaran tersebut menjelaskan, kerajaan masih lagi mengkaji perkara itu dan ketika ini tiada keputusan mengenainya.

"Pihak tidak beretika membo-corkan perkara ini mengkhianati Kabinet," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyidin Yassin; Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan semua pemimpin parti komponen BN.

Dalam perkembangan berasingan, Najib berkata, keputusan mahkamah menjatuhkan hukuman ke atas pelancong asing yang berbogel di puncak Gunung Kinabalu, Sabah, tidak wajar dipersoalkan.

"Saya sendiri tidak perlu mengulas mengenainya kerana mahkamah telah memutuskan secara bebas berlandaskan undang-undang sedia ada dalam negara," katanya.

Perdana Menteri dalam pada itu turut memaklumkan kerajaan akan membantu lebih 200 malim gunung yang hilang pendapatan selepas

Taman Gunung Kinabalu terpaksa ditutup selama tiga bulan.

Selain itu jelasnya, kerajaan akan mewujudkan anugerah khusus kepada empat malim gunung yang terkorban serta pasukan penyelamat yang terlibat dalam kejadian gempa bumi di Sabah.

Sementara itu beliau berkata, mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada malam ini turut memperhalusi keputusan dalam dua Pilihan Raya Kecil Parhmen terakhir iaitu di Rompin dan Permatang Pauh.

"Kita mengambil kira semua aspek positif dan negatif daripada keputusan dua pilihan raya kecil itu untuk menambah baik BN pada masa depan," jelasnya.